



SIARAN MEDIA

Bantuan Prihatin Rakyat (Fasa 3 dan Rayuan) bernilai RM2.82 bilion dibayar kepada 3.6 juta penerima mulai 28 September 2021

SIARAN MEDIA | 26 SEPTEMBER 2021



KENYATAAN MEDIA

MENTERI KEWANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada hari ini, proses pengkreditan Fasa 3 dan Rayuan BPR akan dilaksanakan **mulai 28 September 2021**. Pembayaran Fasa 3 dan Rayuan BPR ini akan memanfaatkan **seramai 3.6 juta penerima yang terdiri daripada penerima sedia ada kategori isi rumah dan mereka yang telah lulus Rayuan BPR** melibatkan peruntukan berjumlah **RM2.82 bilion**. Secara keseluruhannya, **RM9.6 bilion** telah diperuntukkan untuk BPR memanfaatkan **8.5 juta penerima bagi tahun 2021**.

Selain BPR, masih terdapat bantuan tunai lain iaitu **Bantuan Khas COVID-19 (BKC)** dan **Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP)** yang akan disalurkan kepada mereka yang layak pada **Oktober hingga Disember 2021**. **Kesemua bantuan tunai yang diperuntukkan oleh Kerajaan termasuk BPR sehingga hujung tahun 2021 bernilai RM17.1 bilion dan dijangka akan memanfaatkan lebih 10 juta penerima**.

Untuk BPR Fasa 3, setiap penerima bakal menerima **sehingga RM1,400** manakala penerima bayaran Rayuan BPR akan menerima sehingga **RM2,300** mengikut kategori kelayakan masing-masing, seperti jadual berikut:

Perkara	Penerima BPR Berpendapatan RM5,000 dan ke bawah
---------	---

Penerima Sedia Ada	3.4 juta penerima isi rumah
Nilai Bayaran Fasa 3	RM100–RM1,400
Penerima Rayuan BPR	0.2 juta penerima (isi rumah/warga emas/bujang)
Nilai Bayaran Rayuan BPR	RM450–RM2,300

Pembayaran ini adalah penyaluran penuh baki nilai yang sepatutnya diterima penerima BPR dalam meringankan beban mereka yang masih terkesan akibat COVID-19. Kerajaan sentiasa peka dengan keperluan semasa dan komited dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Dari aspek perlindungan sosial jangka panjang, pelan Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) juga sedang menerokai langkah-langkah untuk meningkatkan liputan dan kecukupan perlindungan sosial bagi memastikan rakyat Malaysia mendapat perlindungan serta kemampuan dalam memperbaiki taraf hidup mereka. Aspek jaringan keselamatan sosial terutamanya untuk golongan rentan juga akan terus diberi tumpuan di dalam Bajet 2022.

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Kementerian Kewangan
26 September 2021

Lampiran

Jadual dan cara pembayaran BPR Fasa 3 ini akan disalurkan seperti berikut:

Jenis Penerima	Tarikh Pembayaran	Cara Pembayaran
Penerima sedia ada (isi rumah) dan Rayuan BPR	28 – 30 September 2021	Terus dikreditkan ke dalam akaun bank.
Penerima sedia ada (isi rumah) dan Rayuan BPR yang tidak mempunyai akaun bank (termasuk di Sabah & Sarawak)	Mulai 28 September 2021	Melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN). Pihak BSN akan mengeluarkan panduan SOP dari semasa ke semasa.

Jadual nilai pembayaran Fasa 3 dan Rayuan BPR mengikut kategori kelayakan dan maklumat lanjut boleh dirujuk Soalan Lazim (FAQ) di portal rasmi BPR iaitu, bpr.hasil.gov.my.

[Tengku Zafrul](#)[Bantuan Prihatin Rakyat](#)[BPR](#)[PERKUKUH](#)[BKC](#)[Bantuan Khas COVID-19](#)

[Bantuan Kehilangan Pendapatan](#)[BKP](#)

-  [Siaran Media](#)
-  [Koleksi Ucapan](#)
-  [Petikan Akhbar](#)
-  [Foto](#)

-  [Video](#)
-  [Pengumuman](#)
-  [Laporan LAKSANA](#)
-  [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENKU ZAFRUL

LAPORAN LAKSANA

COVID-19

BAJET 2022

PRIHATIN

PENJANA

KELUARGA MALAYSIA

TEAM MOE

KONSULTASI BAJET 2022

PEMERKASAAN PERNIAGAAN

PRICE OF PETROLEUM